

19 NOV 1999

Adnan-Keputusan

TERIMA KEPUTUSAN PRESIDEN PARTI, KATA ADNAN

KUANTAN, 19 Nov (Bernama) -- Menteri Besar Datuk Adnan Yaakob berharap semua pihak menerima keputusan presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berhubung calon Barisan Nasional bagi negeri ini pada pilihan raya umum 29 Nov.

Katanya apa yang penting ialah mereka bekerja bagi menentukan calon BN menang tanpa mengira siapa dan di kawasan mana mereka bertanding.

"Ini keputusan pucuk pimpinan parti. Kita mesti menghormatinya," katanya selepas mengumumkan senarai calon BN di sini, lewat malam tadi. Pahang mempunyai 11 kerusi Parlimen dan 38 kerusi Dewan Undangan Negeri.

Katanya walaupun negeri ini mempunyai satu atau dua "kawasan kelabu" bagi BN, beliau yakin ia akan memenangi semua kerusi yang ditandingi.

Mengenai kerusi DUN Triang yang merupakan satu-satunya kerusi yang dipegang pembangkang DAP, Adnan yakin penduduk kawasan itu kini semakin bijak dan akan memilih BN demi masa depan mereka.

Adnan, yang juga Ketua Penerangan Umno Pahang, berkata jentera pilihan raya negeri akan mengedarkan risalah kepada penduduk negeri ini dalam usahanya menerangkan perkembangan semasa tanah air.

Ini termasuk menangkis pelbagai tohmahan pembangkang terhadap kerajaan dan menjelaskan usaha kerajaan memulihkan ekonomi negara.

Sementara itu, Setiausaha Agung Umno Tan Sri Khalil Yaakob yang menghadiri majlis itu sejurus setelah tiba dari Kuala Lumpur, mengingatkan tentang tanggungjawab berat yang dipikul semua calon dan penyokong BN dalam memastikan gabungan itu menang dengan majoriti dua pertiga.

Khalil, Menteri Penerangan dan bekas Menteri Besar Pahang, berkata penentuan kawasan bagi seseorang calon perlu diterima dengan baik oleh semua pihak.

"Di Pahang ini kita akui berdepan dengan sedikit kerumitan...tetapi pelbagai peristiwa dan perubahan ini perkara biasa yang menjadi sebahagian daripada budaya proses pemilihan calon.

"Pada awalnya, mungkin ada pihak tak bersetuju tetapi kita harap ia akan diterima dengan baik," katanya.

-- BERNAMA

MAM NMO